

Banjir kilat terburuk: Zambry

MENTERI Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir turut turun padang selama setengah jam melihat situasi sebenar bencana banjir yang melanda di Gugusan Manjoi.

“Kejadian banjir kilat itu adalah yang terburuk terjadi di Gugusan Manjoi dan Buntong sehingga menjejaskan struktur jalan selain memusnahkan harta benda dengan pantas,” katanya.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan MKN untuk mewujudkan pasukan kecemasan untuk memastikan masalah tersebut dapat diselesaikan segera.

“Selain itu, pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah segera bagi menghubungkan kawasan ini termasuk jalan raya



Zambry (tengah) membincangkan sesuatu bagi mengatasi masalah banjir di Gugusan Manjoi selepas melawat kawasan tersebut semalam.

di kampung yang terjejas dan mengalami kerosakan.

“Ibu bapa juga diingatkan supaya menjaga anak masing-masing

supaya tidak terlalu seronok bermain dengan air bagi mengelakkan insiden tidak diingini daripada berlaku,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jentera Pilihan raya Pas Negeri, Asmuni Awi berkata, Pas turut tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di sekitar kawasan berkenaan.

“Pas turut menghulurkan bantuan tiga buah bot untuk memindahkan mangsa banjir dan kira-kira 150 pek makanan sudah didarkan kepada keluarga yang memerlukan,” katanya ketika ditemui semalam.

Kampungnya yang terletak di Jalan Menteri turut terjejas akibat banjir kilat tersebut.

Menurutnya, banjir terburuk seperti semalam sudah lama tidak berlaku semenjak benteng dibina di sepanjang Sungai Pari.